Tabung BNM untuk PKS:
Kemudahan Automasi dan Digital PKS
Soalan Am yang Sering Ditanya

Kemudahan Automasi dan Digital PKS (*SME Automation and Digitalisation Facility*, ADF)		
No.	**Soalan**	**Jawapan**
1.	Apakah itu ADF?	ADF merupakan kemudahan pembiayaan yang disediakan oleh BNM untuk menggalakkan PKS mengautomasikan proses dan mendigitalkan operasi untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan.
2.	Siapakah yang layak memohon ADF?	Semua PKS Malaysia[1].
3.	Apakah jumlah pembiayaan dan tempoh maksimum di bawah ADF?	Sehingga RM3 juta bagi setiap PKS dan tempoh pembiayaan sehingga 10 tahun.
4.	Bilakah ADF tersedia untuk dipohon?	Sehingga peruntukan digunakan sepenuhnya.
5.	Bagaimana PKS boleh mengetahui mereka layak mendapatkan pembiayaan di bawah ADF?	PKS yang layak dinasihati supaya menghubungi institusi kewangan peserta (IKP) bagi memastikan kelayakan di bawah ADF. Semua permohonan pembiayaan adalah tertakluk pada penilaian oleh IKP.
6.	Adakah ADF terbuka kepada pelanggan IKP yang sedia ada sahaja?	Tidak, ADF terbuka kepada pelanggan PKS IKP yang baharu dan yang sedia ada selagi PKS tersebut merupakan PKS Malaysia yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan oleh BNM serta memenuhi penilaian kredit institusi kewangan.
7.	Bolehkah PKS mendapatkan ADF untuk membiayai semula pinjaman yang sedia ada?	Tidak. ADF tidak boleh digunakan untuk membiayai semula kemudahan kredit/pembiayaan yang sedia ada.
8.	Adakah PKS perlu menyediakan cagaran bagi mendapatkan pembiayaan di bawah ADF?	Tidak. Cagaran TIDAK diperlukan di bawah ADF.
9.	Sekiranya perniagaan saya tidak layak mendapatkan ADF, apakah bantuan lain yang tersedia?	• PKS yang tidak layak untuk mendapatkan ADF boleh memohon pembiayaan daripada kemudahan lain di bawah Tabung BNM untuk PKS (contoh, Kemudahan Semua Sektor Ekonomi, Kemudahan Agromakanan, Kemudahan Perusahaan Mikro, Pembiayaan Pelancongan PENJANA, Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar atau Kemudahan Teknologi Tinggi – Aspirasi Pelaburan Nasional), atau produk pembiayaan lain untuk PKS yang ditawarkan oleh institusi kewangan. • PKS juga boleh memohon melalui platform imSME[2]. Kelulusan pembiayaan bagi skim yang dinyatakan di atas adalah tertakluk pada syarat kelayakan skim tersebut dan penilaian oleh IKP.

1 Pegangan saham oleh warganegara Malaysia sekurang-kurangnya sebanyak 51% dan seperti yang ditakrifkan oleh SME Corporation Malaysia (mengikut Garis Panduan Baharu PKS) serta boleh diakses melalui: https://www.smecorp.gov.my/images/pdf/2022/Garis_Panduan_bagi_Definisi_PKS_Dikemaskini_Sept_2020_Akhir.pdf

10.	Apakah projek/ aktiviti yang layak untuk mendapatkan pembiayaan di bawah ADF?	ADF boleh digunakan untuk membiayai pembelian peralatan, mesin, perkakas dan perisian teknologi komunikasi dan maklumat, penyelesaian dan perkhidmatan IT, sokongan teknologi dan aset tidak ketara yang lain bagi tujuan meningkatkan produktiviti dan kecekapan.
11.	Apakah yang boleh PKS lakukan sekiranya permohonan bagi mendapatkan pembiayaan di bawah kemudahan ini ditolak oleh IKP?	Jika permohonan ditolak, PKS dinasihati supaya melakukan perkara-perkara yang berikut: a) Dapatkan penjelasan daripada IKP tentang alasan penolakan; b) Mempertimbangkan untuk menghantar semula permohonan melalui platform imSME jika PKS belum melakukannya sebelum ini; c) Dapatkan khidmat nasihat pembiayaan melalui MyKNP@CGC (Khidmat Nasihat Pembiayaan) yang memberikan bantuan khidmat nasihat dan panduan bagi meningkatkan kelayakan untuk pembiayaan pada masa hadapan serta sumber kewangan alternatif (https://imsme.com.my/portal/soalan-lazim-myknp-cgc/); atau d) Salurkan pertanyaan atau aduan kepada BNM melalui BNMLINK: Pusat Khidmat Pelanggan (BNMLINK) Bank Negara Malaysia P.O. Box 10922 50929 Kuala Lumpur • Tel: 1-300-88-5465 • Borang laman web: https://bnmlink.bnm.gov.my

Bank Negara Malaysia
Dikemas kini pada 17 Julai 2023

[2] Platform rujukan pembiayaan/ pinjaman PKS secara dalam talian yang diuruskan oleh Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad. Boleh diakses di https://imsme.com.my